



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والعلوم الاجتماعية

Submission date: 14/01/2023

Acceptance date: 01/02/2023

Publication date: 01/06/2023

TEKNIK DELPHI MODIFIKASI TIGA PUSINGAN BAGI PEMBANGUNAN ITEM INISIATIF PEMBIAYAAN LESTARI DAN TEKAD KEUSAHAWANAN UNTUK USAHAWAN SOSIAL PEMULA DI MALAYSIA

DELPHI TECHNIQUE WITH THREE ROUND MODIFICATION FOR ITEM DEVELOPMENT FOR SUSTAINABLE FUNDING INITIATIVES AND ENTREPRENEURIAL INTENTION FOR STARTUP SOCIAL ENTERPRISES IN MALAYSIA

^{1,*} Raja Suzana Raja Kasim & ² Muhammad Fazlan Mohd Husain

^{1 2} Faculty of Entrepreneurship and Business, Universiti Malaysia Kelantan, 16100 Kota Bharu,
Kelantan, Malaysia

* Corresponding author. E-mail: rajasuzana@umk.edu.my

ABSTRACT

The socio-economic disparities and limited development opportunities prevalent in the East Coast region of Malaysia have spurred the emergence of start-up social enterprises striving to rejuvenate the economy. These social enterprises prioritize a balanced approach to socio-economic success, but face challenges in securing sustainable funding from various sources. While previous studies have explored the association between social entrepreneurs and their mission to address social problems, there has been limited focus on developing a sustainable funding model specifically tailored for social enterprise startups targeting the Bottom 40 (USP B40) population, particularly in the East Coast region of Malaysia. This paper aims to examine the development of sustainable funding initiatives that can support the social mission of USP B40 in Malaysia. The study integrates relevant theories and models to propose a conceptual model, and employs the Delphi method with three modification techniques to construct a questionnaire. The responses from a panel of experts are analyzed using quartile deviation (QD) and inter-quartile range (IQR) to establish consensus levels. Statistical analysis using the Statistical Software Package for Social Science (SPSS) version 26 demonstrates that the instrument meets the criteria for validity and reliability. This paper contributes by providing a set of objective and practical items to measure the effectiveness of sustainable funding model initiatives for USP B40.

Keywords: *sustainable funding model, validity, reliability, entrepreneurial intention, social enterprises, Malaysia.*

Cite as: Kasim, R. S. R., & Mohd Husain, M. F. (2023). Teknik Delphi modifikasi tiga pusingan bagi pembangunan item inisiatif pembiayaan lestari dan tekad keusahawanan untuk usahawan sosial pemula di Malaysia: Delphi technique with three round modification for item development for sustainable funding initiatives and entrepreneurial intention for startup social enterprises in Malaysia. *Law, Policy, and Social Science*, 2(1), 52–64. Retrieved from <https://lpssjournal.com/index.php/journal/article/view/29>



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والعلوم الاجتماعية

ABSTRAK

Jurang pembangunan yang dilihat semakin melebar dan kekurangan peluang sosio-ekonomi yang mampan menyemarakkan misi usahawan sosial pemula di Pantai Timur, Malaysia untuk memperjuangkan nasib menjana semula ekonomi. Misi sosial yang mengutamakan keberhasilan sosio-ekonomi yang seimbang menjadi terancam lantaran kekangan inisiatif pembiayaan yang lestari dari semua pihak. Kajian mengenai usahawan sosial seringkali dikaitkan dengan misi sosial, intervensi dan solusi kepada masalah-masalah sosial dengan tekad keusahawanan yang tinggi. Walau bagaimanapun, kajian-kajian ini dilaksanakan secara berasingan dan kurang tumpuan diberikan dalam membangunkan kelestarian bagi pembiayaan kewangan untuk usahawan sosial pemula persendirian yang berpendapatan Bawah 40 (USP B40), terutama di Pantai Timur, Malaysia. Tujuan kertas ini adalah untuk meninjau sejauh manakah pembangunan item bagi pembiayaan kewangan dapat dibentuk secara lestari bagi membantu USP B40 melaksanakan misi sosial di Malaysia. Oleh kerana kekurangan kajian lepas untuk mengukur kesesuaian instrumen dipadankan dengan konteks USP B40 di Pantai Timur, Malaysia, kertas ini telah membuat pengubahsuaian terhadap item-item yang lepas. Item bagi soal selidik dibangunkan dengan teknik Delphi dengan modifikasi tiga pusingan. Maklum balas ahli-ahli panel dianalisis melalui skor sisihan kuartil (QD) dan lingkungan inter-kuartil (IQR) bagi mendapatkan tahap 'consensus.' Keputusan dianalisis untuk respons kekerapan dan pengukuran kecenderungan menumpu menggunakan *Statistical Software Package for Social Science* versi 26 dan *Smart PLS3.0*. Sumbangan kajian ini dijangka membawa pendekatan dalam pembangunan model pembiayaan kewangan lestari USP B40 yang praktikal dan objektif. Pembentukan model ini dibangunkan berasaskan penemuan empirikal dan disokong dengan keterangan dari analisis teori, model dan kajian literatur.

Kata kunci: inisiatif pembiayaan lestari, kesahan, kebolehpercayaan, tekad keusahawanan, usahawan sosial, Malaysia

Pendahuluan

Perusahaan sosial seperti syarikat persendirian yang konvensional adalah merupakan satu entiti yang disahkan dari segi perundangannya menjalankan perniagaan dengan misi sosial dan seringkali dikaitkan sebagai pemangkin agen perubahan. Sebagai pemangkin agen perubahan, perusahaan sosial bertindak untuk menyelesaikan pelbagai bentuk permasalahan sama ada dari sudut sosio-ekonomi mahupun pemeliharaan alam sekitar, budaya, dan faktor persekitaran lain. Menurut Dees (1998) dan Bornstein (2004), banyak definisi telah dibincangkan dalam dapatan literatur tentang perusahaan sosial dengan misi sosial yang berdaya saing dan dapat menyelesaikan masalah secepat, serta sebagai pemangkin agen perubahan. Mengikut *Ashoka* dari *Schwab Foundation*, perusahaan sosial mengenal pasti dan menggunakan solusi praktikal dalam menyelesaikan masalah melalui inovasi, sumber-sumber yang cukup dan mengeksploitasi



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والعلوم الاجتماعية

peluang-peluang (Praskier & Nowak, 2012; Dees, 1998; Bornstein, 2004). Pelopor-pelopor awal seperti *Ashoka*, *Blue Ridge Foundation*, *Draper Richards Foundation*, *Echoing Green*, *the Ewing Marion Kauffman*, *Schwab*, dan *Skoll Foundation* dilihat seringkali mengaitkan misi-misi perusahaan sosial yang komited untuk menyelesaikan permasalahan semasa, dan membawa perubahan dalam komuniti, masyarakat dan dunia (Roberts & Woods, 2005; Martin & Osberg, 2007; Kramer, 2005).

Dalam usaha-usaha untuk membawa perubahan dalam komuniti, masyarakat dan dunia, usahawan-usahawan sosial seringkali berdepan dengan pelbagai cabaran mencipta pendekatan-pendekatan berbentuk inovasi dalam menyelesaikan permasalahan sosial. Hal yang sedemikian membawa kepada amalan-amalan dan strategi perniagaan sosial yang berdaya-saing, penekanan kepada model perniagaan sosial yang membawa pulangan kewangan dan bukan kewangan yang mampan, pengenalpastian peluang-peluang baharu pasaran dan penggunaan sumber-sumber yang terhad.

Untuk mengekalkan daya saing perusahaan sosial, adalah wajar untuk mengenal pasti inisiatif pembiayaan yang berbentuk lestari. Bahagian seterusnya akan meninjau bentuk-bentuk dan inisiatif pembiayaan lestari yang telah dibincangkan dalam literatur dan kajian-kajian lepas.

Sorotan Literatur

Beberapa tahap bantuan pembiayaan yang diberikan oleh pemegang taruh dalam menangani kesukaran Usahawan Sosial Pemula Berpendapatan Isi rumah Terendah Bawah 40 (USP B40) mengekalkan daya tahan untuk meneruskan misi sosial (MSO) yang berkaitan akan dikenal pasti. Pemegang taruh dalam konteks kajian ini ditumpukan dari kumpulan pemberi bantuan pembiayaan yang seringkali berkait dengan sokongan kewangan dari pihak Kerajaan dalam sesebuah Negara sebagai Sektor Pertama untuk menyokong matlamat dan misi-misi USP B40 (Ozili, 2022; Rahman, Mohd Thas Thaker & Duasa, 2020; Mohd Thas, Mohamed Asmy *et al.* 2020; Kasim, 2022). Sokongan kewangan turut dibantu oleh pemegang taruh dari Sektor Kedua iaitu kumpulan pemberi bantuan pembiayaan dari syarikat-syarikat swasta. Sementara Sektor Ketiga datang dari pelbagai kategori sosial sama ada orang perseorangan, badan sosial, institusi pemberi dana atau yayasan dan juga penglibatan dana awam terkumpul secara berkumpulan seperti *crowdfunding* (Di Pietro, Prencipe & Majchrzak, 2018; Di Pietro, 2020; Obaidullah & Khan, 2008; Pitchay *et al.* 2019; Rahman, Mokhtaruddin & Masrurah Irinah, 2016; Kasim, 2022).

Antara masalah-masalah sosial yang dikenal pasti menurut Kasim (2022) adalah jurang kemiskinan yang tinggi, perbezaan kesejahteraan dan inklusiviti dalam kalangan B40 dan jurang dalam penyampaian perkhidmatan sosial yang berkaitan. Terdapat juga kekangan dalam sektor persekitaran lain untuk menyokong pertumbuhan sosio-ekonomi.

Bentuk-bentuk dan inisiatif pembiayaan sedia ada banyak dibahaskan dalam kajian-kajian empirikal lepas dan didapati tertumpu dalam keperluan prestasi perniagaan yang lebih bersifat konvensional (Nugraha *et al.* 2020; Nor Hidayah, Norchahaya & Marinah, 2014). Penerokaan terhadap pembiayaan keusahawanan sosial dan kepada segmen tertentu seperti yang diusulkan



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والعلوم الاجتماعية

dalam kertas ini yang memberi fokus kepada USP 40 agak kurang diberi perhatian, apatah lagi pencarian terhadap bentuk-bentuk pembiayaan yang menawarkan faktor-faktor kelestarian (Marsh *et al.* 2020; Kollenda, 2021; Block *et al.* 2021; Staicu, 2018; Nugraha *et al.* 2020, Kasim & Hashim, 2018; Mackres & Hayes; 2014; Mackevičiūtė, Martinaitis, etal, 2020).

Kajian-kajian tersebut membuktikan USP memberi tumpuan kepada intervensi sosial dan memerlukan strategi khusus untuk mengekalkan prestasi dan kos pelaksanaan misi-misi sosial USP ini supaya mengatasi dan mencegah permasalahan sosial dari menjadi lebih runcing. Di sinilah timbulnya kesedaran kepada pengkaji untuk menyelami betapa pentingnya tahap-tahap inisiatif pembiayaan berbentuk lestari (IPL) yang patut diberikan kepada USP B40. USP B40 dalam meneroka dan membantu Kerajaan menangani pelbagai permasalahan sosial, antaranya, golongan generasi muda dapat dibimbing melalui misi-misi sosial USP. Generasi muda akan dibentuk oleh USP B40 supaya dapat mempersiapkan diri mereka menjadi insan yang cemerlang terutama dalam membantu Negara mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB), dan Agenda Pembangunan Mampan 2030 (SDG), Unit Perancang Ekonomi (2019). Kertas ini cuba untuk menyingkap tahap IPL yang dapat memberi ruang dan peluang kepada USP B40 untuk mengekalkan misi-misi sosial dengan lebih efisien dan objektif.

Oleh itu, secara amnya, keperluan untuk membangun dan mengukur item-item yang dapat menjelaskan model pembiayaan lestari adalah amat signifikan untuk ditinjau dan dikaji dalam konteks Malaysia, apatah lagi sokongan kepada USP B40 di Pantai Timur secara khususnya.

Metodologi

Pembangunan item: Teknik Delphi dengan Modifikasi Tiga Pusingan meliputi instrumen yang dibangunkan adalah berdasarkan instrumen-instrumen dari kajian lepas telah diolah dan ditambahbaik bersama panel-panel pakar. Teknik Delphi Modifikasi Tiga Pusingan digunakan untuk mendapatkan kesahan kandungan Soal Selidik Pembiayaan Lestari (SSPL) untuk USP B40. Teknik Delphi memastikan tahap persetujuan sesuatu permasalahan telah diperbahaskan dan mendapat persetujuan sebulat suara atau '*consensus*' (Stewart, O'Halloran, Harrigan, Spencer *et al.*, 1999). Dalam waktu yang sama, sekumpulan panel pakar dijemput untuk mengenal pasti, memberi penjelasan, mengolah semula dan akhirnya memberi persetujuan secara saksama dan sebulat suara (*consensus*) mengenai masalah-masalah dan permasalahan yang dikenal pasti dalam kajian dalam jangka waktu tertentu.

Panel pakar yang dipilih dilaksanakan dari kajian antara rakan panel pakar sedia ada atau dipanggil sebagai *peer survey* dan tidak dipilih dalam kalangan populasi yang ingin dikaji. Seperti yang disarankan oleh Hsu dan Sandford (2007); dan Ludwig (1997), teknik Delphi akan lebih berjaya hasil dari pendapat-pendapat panel pakar yang tidak dipilih secara rawak. Bagi kajian ini, individu panel pakar dikenal pasti melalui kriteria berikut:



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والعلوم الاجتماعية

1. Individu ini mempunyai latihan, berpengalaman dan berpengetahuan dalam keusahawanan sosial dan/atau pendidikan keusahawanan sosial.
2. Individu ini mempunyai pengalaman sebagai usahawan sosial.
3. Individu ini dengan sukarela dan berminat untuk menyertai proses Tiga Pusingan Modifikasi Menggunakan Teknik Delphi.

Teknik Delphi Tiga Pusingan. Bagi pusingan pertama, kedua dan ketiga, pengkaji menghantar surat dengan menyenaraikan item kajian yang menyentuh tentang masalah-masalah sosial yang ditangani oleh USP B40; bentuk misi-sosial, dan pembiayaan lestari yang membantu USP B40 melaksanakan misi perniagaan sosial. Kajian ini turut menyenaraikan tahap tekad keusahawanan yang membentuk USP menjadi usahawan pemula.

Ahli-ahli panel dipohon untuk memberi maklum balas dengan skala Likert titik 6 (0=Tidak diperlukan, 6=Diperlukan). Beberapa penambahbaikan dan cadangan pembedahan ke atas item soal-selidik adalah amat digalakkan dari ahli-ahli panel. Jika ada antara ahli-ahli panel menyatakan pembedahan pernyataan perlu dibuat, ruang disediakan dalam setiap item. Ahli-ahli panel juga dipohon untuk memberi komen mengenai sebarang ketidakseragaman, ketidakjelasan dan pengulangan item-item yang disediakan. Pengkaji mengusulkan tempoh selama tiga minggu pada setiap pusingan untuk memberi respons semula kepada item-item soal selidik.

Analisis Data dan Keputusan

Analisis data. Soal selidik yang dikumpulkan memberi ruang kepada pengkaji menyenaraikan semua komen yang telah diberikan oleh ahli-ahli panel. Beberapa penambahbaikan, pembedahan dan item-item yang kurang jelas telah dikaji dan diperbaiki. Pada masa yang sama, maklum balas ini diberikan kod dan dianalisis untuk respons kekerapan dan pengukuran kecenderungan menumpu (*measures of central tendency*) yang memberi nilai median, kuartil, inter-kuartil, dan sisihan kuartil menggunakan *Statistical Software Package for Social Science - SPSS* versi 26. Nilai median digunakan bagi mengukur kecenderungan menumpu berikutan dari kaedah ini dapat menyenarai pendek pendapat yang dikumpul dan memberi nilai anggaran tinggi atau rendah bagi setiap item. Sementara itu, bagi mengukur maklum balas ahli-ahli panel dan menuju kepada '*consensus*,' sisihan kuartil (QD) dan lingkungan inter-kuartil (IQR) dianalisis. Kaedah ini memberi dapatan yang berkesan bagi mengira serakan pendapat-pendapat ahli-ahli panel bagi setiap soalan berada hampir dengan median. Semakin kecil nilai IQR menunjukkan terdapat *consensus* yang tinggi dalam kalangan ahli panel. Selepas soal selidik dikembalikan, data dianalisis dan diringkaskan dalam bentuk kekerapan, median, kuartil, interkuartil dan sisihan interkuartil. SSPL dianalisis untuk memastikan model insaniah dapat dibangunkan dengan skala seperti di bawah:



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والعلوم الاجتماعية

Jadual 1. Skala Analisis SPLL

Pernyataan	Skala
Sangat diperlukan	5.50 – 6.00
Diperlukan	3.50 – 5.49
Tidak diperlukan	1.00 – 3.49

Adalah didapati bahawa tahap bagi item-item yang disenaraikan dalam SSPL USP B40 berada dalam keputusan sangat diperlukan. Namun, skala penilaian yang diberikan oleh ahli-ahli panel didapati berbeza. Bagi pusingan yang ketiga, tahap penilaian mendapat keputusan secara *consensus* atau sebulat suara di mana sejumlah tiga puluh dua (32) item menerima penilaian sangat diperlukan dan diperlukan.

Item-item yang disenaraikan dalam SSPL USP B40 disusun mengikut turutan dari skor median tertinggi dan skor sisihan kuartile (QD) terkecil. Skor sisihan kuartile (QD) yang memberi nilai terkecil iaitu kurang dari 1.00 adalah dianggap sebagai item yang mencapai “consensus” yang tinggi. Sementara itu skor sisihan kuartile (QD) bagi item-item yang berada pada tahap lebih dari 1.00 adalah dianggap sebagai tidak mendapat “consensus.” Pengukuran ini diambil dari kajian oleh Hsu dan Sandord (2007) dan Wiedmaier (1997) yang mengukur tahap-tahap kompetensi bagi kajian kebolehpasaran dengan petunjuk seperti di bawah:

Jadual 2. Tahap Kompetensi

Tahap	Nilai QD
Tahap “consensus” tinggi	QD kurang atau sama dengan .60
Tahap “consensus” sederhana	QD lebih dari .60 dan kurang dari 1.00
Tiada “consensus”	QD lebih dari 1.00

Jadual 3 menyenaraikan tahap “consensus” tinggi dan tahap “consensus” sederhana, manakala Jadual 4 menyenaraikan tahap item-item yang tiada “consensus.”



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والعلوم الاجتماعية

Jadual 3. Item-item yang bertahap “consensus” tinggi dan tahap “consensus” sederhana

“Rank”	Konstruk	Median	QD
1	Masalah-masalah krisis pengangguran	6	0
2	Masalah-masalah krisis remaja berisiko	6	0
3	Masalah-masalah menangani akses kepada perubatan	6	0
4	Masalah-masalah menangani akses kepada pendidikan	6	0
5	Masalah-masalah krisis kemiskinan tegar	6	0
6	Masalah-masalah krisis jenayah dalam kalangan juvana	6	0
7	Masalah-masalah krisis penyalahgunaan dadah	6	0
8	Masalah-masalah membantu ekonomi warga kelainan upaya	6	0
9	Masalah-masalah memberi perkhidmatan sosial kepada warga orang asli	6	0
10	Masalah-masalah krisis COVID-19	6	0
11	Masalah-masalah menyediakan bantuan perkhidmatan sosial kepada warga pesara	6	0
12	Masalah-masalah menyediakan bantuan perkhidmatan sosial kepada warga miskin bandar	6	0
13	Masalah-masalah menyediakan bantuan perkhidmatan sosial kepada warga gelandangan	6	0
14	saya bertanggungjawab membawa perubahan dalam misi sosial saya.	6	0
15	saya bertanggungjawab terhadap kegagalan misi sosial saya.	6	0
16	saya berusaha mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) yang saya janjikan	6	0
17	saya bertanggungjawab terhadap keberkesanan impak sosial saya	6	0
18	saya berusaha memastikan pemberian perkhidmatan yang berkualiti	6	0
19	saya berusaha mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh pihak kerajaan	6	0
20	saya bertanggungjawab memastikan penjimatan kos telah dicapai	6	0
21	saya bertanggungjawab mempertingkatkan kualiti sumber manusia (<i>human resources</i>) atas misi sosial saya	6	0
22	saya bertanggungjawab mempertingkatkan kualiti sumber-sumber yang ada (<i>existing resources</i>) atas misi sosial saya	6	0



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والعلوم الاجتماعية

23	saya bertanggungjawab terhadap keberkesanan impak sosial saya	6	0
24	saya memastikan pulangan bukan kewangan diambil kira dalam mengukur impak keberkesanan misi sosial saya	6	0
25	Pelabur dengan impak sosial	6	0
26	Pendanaan Awam Terkumpul - <i>crowdfunding</i>	6	0
27	Pembiayaan sendiri	6	0
28	Saya percaya memulakan perniagaan adalah mudah bagi saya	6	0
29	Saya percaya mengekalkan kejayaan perniagaan adalah mudah bagi saya	6	0.125
30	Saya percaya saya akan berjaya dalam memulakan perniagaan	6	0.125
31	Saya percaya saya mempunyai tekad mendalam memulakan perniagaan	6	0.125
32	Saya percaya saya mempunyai kemahiran untuk menjadi usahawan	6	0.125

Jadual 4. Tahap item-item yang tiada “consensus.”

“Rank”	Konstruk	Median	QD
1	Masalah-masalah menyediakan bantuan perkhidmatan sosial kepada warga emas	6	1
2	Institusi Kewangan - Pembiayaan pinjaman	6	1
3	Kerajaan - Pembiayaan geran	6	1
4	Syarikat korporat - Tanggungjawab Sosial	5.5	1
5	Orang perseorangan – filantropi	5	1
6	Saya percaya kerjaya sebagai usahawan amatlah menarik	5	1
7	Saya ingin memulakan perniagaan sendiri	4	1.125
8	Saya akan lakukan apa sahaja supaya dapat berniaga	4	1.125
9	Saya percaya mempunyai perniagaan sendiri memberi saya kepuasan.	4	1.125
10	Saya sentiasa mempunyai motivasi untuk menjadi usahawan		
11	Saya melihat ada universiti/institusi kemahiran yang aktif melatih usahawan pelajar	4	1.125



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والعلوم الاجتماعية

Perbincangan

Menurut saranan dari Sekaran dan Bougie (2010) adalah perlu untuk setiap item dibangunkan diukur melalui rujukan atau pemakaian teori yang mendasari konsep yang akan digunakan oleh pengkaji. Oleh itu situasi ini amat penting bagi mengukur kebolehpercayaan dan kesahan konstruk lantaran dapatan dari analisis ini akan membuktikan item-item yang digunakan bagi mengukur pula aspek kesahan menumpu dan kesahan diskriminan. Analisis kajian rintis mengguna pakai perisian Smart PLS 3.0. Nilai Alfa Cronbach diambil kira bagi mendapatkan kebolehpercayaan, sementara kesahan konstruk diukur melalui analisis kesahan menumpu dan kesahan diskriminan. Hasil dari dapatan kedua-dua ujian ini akan memberi panduan untuk persediaan kepada kajian akhir yang sebenar bagi membangunkan model pembiayaan kewangan lestari untuk USP B40 di Pantai Timur, Malaysia.

Dapatan kajian rintis antara pra-syarat bagi membina model pembiayaan kewangan lestari untuk USP B40 di Pantai Timur, Malaysia melalui keputusan kesahan instrumen. Nilai Alfa Cronbach (CA) dan komposit reliabiliti (CR) memberi jawapan kepada kebolehpercayaan instrumen dicapai. Bagi memastikan konstruk yang digunakan memenuhi kriteria yang diperlukan bagi membentuk model kajian ini, analisis untuk mengukur kesahan menumpu dan kesahan diskriminan memberi bukti yang diperlukan. Pengkaji turut meneliti dapatan dari pengukuran kebolehpercayaan komposit sebagai analisis tambahan. Ini adalah langkah berjaga-jaga bagi mengatasi kelemahan yang didapati dari analisis Alfa Cronbach. Kajian mengambil kira cadangan dari Notelaers dan Van der Heijden, (2019, 2021) bahawa operationalisation item-item ini telah memenuhi kriteria bagi kesahan konstruk yang diukur seiring dengan konsep-konsep teoretikal yang dirujuk atau yang digunakan. Mengikut Asmelash dan Kumar (2019a, 2019b) sebarang nilai AVE yang melebihi .5 adalah diterima.

Dalam kajian rintis ini, analisis bagi kebolehpercayaan melalui nilai Alfa Cronbach dan kebolehpercayaan komposit bagi setiap pemboleh ubah kajian telah melebihi tahap paling minimum iaitu 0.70. Oleh itu, keputusan telah mengesahkan bahawa item-item yang dibina telah memenuhi kriteria kebolehpercayaan dan kesahan dalaman dan selaras dengan saranan yang diberikan oleh Nunally dan Bernstein (1994).

Analisis deskriptif kajian rintis walaupun menunjukkan majoriti USP B40 mempunyai tahap yang tinggi menangani masalah-masalah sosial; bentuk misi-sosial, tahap tekad keusahawanan dan bentuk pembiayaan lestari. Ini dibuktikan dari keputusan nilai Alfa Cronbach (CA) bagi tahap masalah-masalah sosial; (CA, 0.94; CR, 0.94), bentuk misi-sosial (CA, 0.97; CR, 0.97), tahap tekad keusahawanan (CA, 0.90; CR, 0.92); dan bentuk inisiatif pembiayaan lestari (CA, 0.80; CR, 0.87). Jadual 5 memperincikan dapatan analisis kebolehpercayaan dan Jadual 1.4 menunjukkan analisis kesahan diskriminan.



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والعلوم الاجتماعية

Jadual 5. Analisis Kebolehpercayaan

	Alfa Cronbach	Kebolehpercayaan Komposit
Tekad	0.903	0.923
Keusahawanan		
Misi sosial	0.971	0.974
Masalah-masalah sosial	0.941	0.949
Inisiatif Pembiayaan Lestari	0.801	0.870

Jadual 6. Kesahan Diskriminan (Fornell-Larcker Criterion) Kajian Rintis

	Tekad Keusahawanan	Misi Sosial	Masalah-masalah sosial	Inisiatif Pembiayaan Lestari
Tekad	0.841			
Keusahawanan				
Misi Sosial	-0.010	0.889		
Masalah-masalah sosial	-0.074	0.364	0.767	
Inisiatif Pembiayaan Lestari	-0.152	0.356	0.243	0.791

Kesahan diskriminan telah dipenuhi apabila nilai punca kuasa AVE yang ditunjukkan dengan adalah melebihi nilai korelasi pemboleh ubah pendam (Fornell dan Larcker, 1981). Manakala Jadual 6 menunjukkan nilai item individu bagi setiap pemboleh ubah kajian. Item-item tersebut mempunyai nilai yang tinggi bagi pemboleh ubah yang diwakilinya sahaja dan memberikan nilai yang rendah bagi pemboleh ubah yang lain sekali gus memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Hair, Risher, Sarstedt, dan Ringle, (2019). Oleh yang demikian, data ujian rintis menunjukkan setiap pemboleh ubah kajian memenuhi kriteria yang diperlukan.

Kesimpulan

Beberapa tatacara analisis bagi menguji pembangunan item melalui modifikasi tiga pusingan telah memenuhi tahap konsensus. Item-item ini diperkukuhkan melalui kajian pra-uji dan kajian rintis. Tahap nilai individual *item reliability*, *internal consistency* and *AVE* (*average*



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والعلوم الاجتماعية

variance extracted) berserta dengan kesahan konstruk. Seperti yang dianjurkan oleh Fornel and Larcker (1981), kertas ini telah memenuhi kriteria kesahan menumpu dan kesahan diskriminan. Oleh yang demikian, data ujian rintis menunjukkan setiap pemboleh ubah kajian memenuhi kriteria yang diperlukan. Item bagi soal selidik IPL, tekad keusahawanan, misi sosial dan masalah-masalah sosial telah dibina melalui teknik modifikasi tiga pusingan dan diuji kesahan dan kebolehpercayaan.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Geran Skim Penyelidikan Fundamental, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Kod Penyelidikan ialah FRGS/1/2020/SS0/UMK/01/2.

Rujukan

- Asmelash, A. G., & Kumar, S. (2019a). Assessing progress of tourism sustainability: Developing and validating sustainability indicators. *Tourism Management*, 71, 67-83.
- Asmelash, A. G., & Kumar, S. (2019b). The structural relationship between tourist satisfaction and sustainable heritage tourism development in Tigray, Ethiopia. *Heliyon*, 5(3), 1-31.
- Block, J. H., Hirschmann, M., Fisch, C. (2021). Which criteria matter when impact investors screen social enterprises? *Journal of Corporate Finance*, 66, 101813.
- Bornstein, D. (2004). *How to change the world: Social entrepreneurship and the power of new ideas*. New York: Oxford University Press.
- Dees, J.G. (1998) *The Meaning of "Social Entrepreneurship"*. The Kauffman Center for Entrepreneurial Leadership. Kansas City, MO and Palo Alto, CA.
- Di Pietro, F. (2020). *Crowdfunding for Entrepreneurs: Developing Strategic Advantage through Entrepreneurial Finance*. 10.4324/9780429319785.
- Di Pietro, F., Prencipe, A., Majchrzak, A. (2018). Crowd Equity Investors: An Underutilized Asset For Open Innovation In Startups. *California Management Review*, 60(2), 43-70.
- Fornell, C., & Larcker, D. F. (1981). Structural Equation Models with Unobservable Variables and Measurement Error: Algebra and Statistics. *Journal of Marketing Research*, 18, 382-388.
- Hair, J. F., Sarstedt, M., Hopkins, L. & Kuppelwieser, G., (2014), Partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM): An emerging tool in business research, *European Business Review*, 26(2). 106-121. <https://doi.org/10.1108/EBR-10-2013-0128>
- Hsu, C., & Sandford, B.A. (2007). The Delphi Technique: Making Sense of Consensus. *Practical Assessment, Research and Evaluation*. 12(10). Retrieved on 9 September 2022, <https://doi.org/10.7275/pdz9-th90>
- Ludwig, B. (1997). Predicting the future: Have you considered using the Delphi methodology? *Journal of Extension*, 35(5), 1-4. Retrieved on June 9, 2022, <http://www.joe.org/joe/1997october/tt2.html>



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والعلوم الاجتماعية

- Kollenda, P. (2021). Financial Returns or Social Impact? What Motivates Impact Investors' Lending to Firms in Low-Income Countries. *Journal of Banking & Finance*. 136. 106224. 10.1016/j.jbankfin.2021.106224.
- Kramer, M.R. (2005). *Measuring innovation: evaluation in the field of social entrepreneurship*. The Skoll Foundatoin. <https://www.scribd.com/document/8233430/Measuring-Innovation-Mark-R-Kramer-Skoll-and-FSG-Report-2005#download>. Retrieved 20 November, 2021.
- Mackevičiūtė, R., Martinaitis, Ž., Lipparini, F., Constance, B., & Styczyńska, I. (2020). *Social Impact Investment - Best practices and recommendations for the next generation*, Publication for the Committee on Employment and Social Affairs, Policy Department for Economic, Scientific and Quality of Life Policies, European Parliament, Luxembourg.
- Martin, R.L., & Osberg, S. (2007). Social entrepreneurship: the case for definition. *Stanford Social Innovation Review*, Spring 2007, 29-39.
- Mohd Thas Thaker, Mohamed Asmy and Mohd Thas Thaker, Hassanudin & Pai Wei, Choon (2020) *Financial accessibility and small-medium enterprises (SMEs) in Malaysia: the role of crowdfunding and Islamic Finance*. In: *Economics, Business, and Islamic Finance in ASEAN Economics Community*. IGI Global, Hershey PA, USA, pp. 306-325. ISBN 9781799822578
- Mokhtaruddin, A., & Masrurah Irinah, M. K. (2016). Crowdfunding: Alternative Funding Model for Youth Startups in Malaysia. *PERTANIKA Journal of Social Science & Humanities (JSSH)*, 25 (S),139-154.
- Nor Hidayah, H. Norchahaya, J., & M Marinah. (2014). Factors influencing the involvement of Malaysian youth in entrepreneurship, *TeSSH Technology, Social Sciences, Humanities, 4*, 645–655.
- Notelaers, G., & Van der Heijden, B. I. (2021). Construct validity in workplace bullying and harassment research. *Concepts, approaches and methods*, 369-424.
- Notelaers, G, Van der Heijden B, Hoel H, Einarsen S. (2019). Measuring bullying at work with the short-negative acts questionnaire: identification of targets and criterion validity. *Work Stress*. 33(1):58–75.
- Nugraha, Y.D., Kasim, R.S.R., Aspiranti, T., Nurhayati, N., & Amaliah, I. (2020), *How does the government boost the entrepreneurship community in Entrepreneurial Ecosystem in Higher Education*. India, Lucknow: Empyreal Publishing House.
- Nunally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Obaidullah, M., Khan, T. (2008). Islamic Microfinance Development: Challenges and Initiatives. *SSRN Electronic Journal*. 10.2139/ssrn.1506073.
- Ozili, P.K. (2022). Theories of Sustainable Finance. *Managing Global Transition*, 1-21. https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=4055371#. Accessed on 30 April, 2022.



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والعلوم الاجتماعية

- Pitchay, A. A., Asmy, M., Thaker, H. B. M. T., & Amin, M. F. B. (2019). Determining The Relative Importance Of Quality Factors For Crowdfunding Platforms. *International Journal of the Analytic Hierarchy Process*, 11(3), 368-388.
- Praskier, R. & Nowak, A. (2012). *Social Entrepreneurship*. New York: Cambridge University Press.
- Rahman, M.P., Mohd Thas Thaker, M.A. & Duasa, J. (2020). Developing A Shari'ah-Compliant Equity-Based Crowdfunding Framework For Entrepreneurship Development In Malaysia. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 12(2), pp. 239-252. <https://doi.org/10.1108/IJIF-07-2018-0085>
- Kasim, R.S.R. (2022). *Model Pembiayaan Lestari untuk Usahawan Sosial Pemula Persendirian Sektor Perkhidmatan di Malaysia*. Unpublished Research Report. Universiti Malaysia Kelantan.
- Kasim, R.S.R. & Hashim, Z. (2018). *Pemeriksaan generasi muda komuniti terpinggir lulusan TVET dalam menangani cabaran arus Industri 4.0 ke arah negara maju*. Kota Bharu: Penerbit UMK.
- Roberts, D., & Woods, C. (2005). Changing the world on a shoestring: the concept of social entrepreneurship. *Business Review*, Autumn 45-51.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2010). *Research methods for business: A skill-building approach* (5th ed.). Haddington: John Wiley & Sons.
- Stewart, J., O'Halloran, C., Harrigan, P., Spencer, J. A. (1999). Identifying appropriate tasks for the preregistration year: Modified Delphi Techniques. *British Medical Journal*, 319 (7204),224-229. Retrieved on 9 October 2022, <https://www.researchgate.net/publication/12882623> [Identifying appropriate tasks for the preregistration year Modified Delphi technique](https://www.researchgate.net/publication/12882623)
- Wiedmaier, C.D. (1997). *Database competencies perceived as necessary for entry-level employment and employment advancement*. Unpublished doctoral dissertation, University of Missouri-Columbia. Dissertation Abstracts International 59(7), 2316A (UMI No. 9841192)
- Woodcock, T., Adeleke, Y., Goeschel, C. Pronovost, P., dan Dixon-Woods, M. (2020). A modified Delphi study to identify the features of high quality measurement plans for healthcare improvement projects. *BMC Med Res Methodol* 20, 8. Retrieved on 9 September 2022, <https://doi.org/10.1186/s12874-019-0886-6>.

© The Author(s) (2023). Published by Intelligentia Resources. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact intelligentia.resources@gmail.com.